

Terma dan Syarat Program Pulangan Tunai 20% Pinjaman Peribadi Hong Leong

Program Pulangan Tunai 20% dan Pindahan Baki (“Program”) Pinjaman Peribadi Hong Leong Bank Berhad (“Kemudahan”) terbuka kepada semua pelanggan (“Pelanggan”) Hong Leong Bank Berhad (“Bank”) yang memohon untuk Kemudahan ini (“Pelanggan”).

1. Pulangan Tunai tidak layak untuk Pelanggan yang memilih tawaran promosi lain yang menawarkan kadar keutamaan semasa tempoh Program.
2. Pulangan Tunai adalah berdasarkan pulangan tunai yang sama nilainya dengan 20% daripada jumlah faedah yang dibayar untuk Kemudahan. Untuk layak menerima tawaran Pulangan Tunai, Pelanggan mesti menjelaskan bayaran ansuran bulanan kemudahan pada atau sebelum tarikh matang setiap bulan.
3. Untuk tempoh kemudahan 2 hingga 5 tahun, Pulangan Tunai pertama akan dibayar setiap bulan selepas bayaran ansuran bulanan yang ke-7 dan Pulangan Tunai yang terakhir akan dibayar enam (6) bulan sebelum ansuran yang terakhir. Untuk tempoh Kemudahan 1 tahun, Pulangan Tunai pertama akan dibayar selepas ansuran bulanan ke-7 dan Pulangan Tunai yang terakhir akan dibayar 2 bulan sebelum ansuran terakhir.
4. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke akaun Kemudahan yang sah dan aktif Pelanggan satu (1) hari selepas tarikh matang ansuran bulanan. Pulangan Tunai bulanan yang dibundar turun ke RM1 yang terdekat akan dikira sebagai bayaran pendahuluan bagi kemudahan akaun pinjaman asalkan ianya tidak dikeluarkan.
5. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk memaklumkan kepada HLB secara bertulis tidak lebih daripada 1 bulan dari tarikh perlu bayar ansuran bulan ke-7 sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima. Jika tidak, Pelanggan dikira telah menerima Pulangan Tunai daripada HLB dan semua pulangan tunai yang tidak dituntut selepas tempoh 1 bulan tidak akan dilayan dan akan dibatalkan.
6. Kelayakan Pelanggan untuk menerima ganjaran Pulangan tunai akan dibatalkan jika:
 - i. Pelanggan gagal membayar ansuran yang perlu dibayar, atau berhutang sejumlah wang di bawah Kemudahan apabila dipinta; dan/atau
 - ii. Notis Penyelesaian pinjaman awal diberikan oleh Pelanggan sebelum Kemudahan matang; dan/atau;
 - iii. Pelanggan telah melakukan atau disyaki telah melakukan sebarang kesalahan atau tindakan yang menyalahi undang-undang berhubung dengan penggunaan Kemudahan
7. Bank berhak pada bila-bila masa dengan notis minimum 21 hari untuk melanjutkan, membatalkan, menggantung, tidak meneruskan dan/atau mengubah Program tersebut dan/atau terma-terma dan syarat-syarat Program yang terdapat didalamnya, sepenuhnya atau sebahagian daripadanya mengikut budi bicaranya tanpa perlu memberi sebarang alasan.
8. Untuk mengelak timbulnya sebarang keraguan, pembatalan, penamatan, penangguhan atau pelanjutan Program dan kelainan Terma-terma dan Syarat-syarat Program tidak akan membenarkan mana-mana Pelanggan untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan ganti rugi terhadap bank bagi mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang ditanggung oleh Pelanggan sebagai kesan langsung atau tidak langsung kerana tindakan pembatalan, penamatan, penangguhan, pelanjutan atau pemindaan.
9. Terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan pelanggan setuju untuk akur pada kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia.